



**KENYATAAN SEBUT HARGA
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

1. Kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred, Kategori dan pengkhususan yang berkaitan yang masih sah laku yang telah **Berdaftar dengan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Tenaga**. Hanya kontraktor bumiputera yang **beralamat di dalam Negeri Kedah** sahaja dibenarkan dalam membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	NO. DAFTAR TAWARAN	TAJUK KERJA	LAWATAN TAPAK
1.	MPLBP/SBT/37/2022	PEMASANGAN LAMPU LIMPAN DI PANTAI CHENANG, MK KEDAWANG, MP LANGKAWI. GRED : G2@G3 KATEGORI : ME PENGKHUSUSAN : E04 & E06	LOKASI : DATARAN CHENANG WATERFRONT, PANTAI CHENANG, LANGKAWI. TARIKH : 30 JUN 2022 (KHAMIS) MASA : 10.30 PAGI
3.	MPLBP/SBT/38/2022	PEMASANGAN LAMPU KAWASAN DI SEKITAR PULAU LANGKAWI, KEDAH. GRED : G2@G3 KATEGORI : ME PENGKHUSUSAN : E04 & E06	TARIKH TUTUP : 07 JULAI 2022 HARGA BORANG : RM 50.00

2. Borang sebut harga boleh didapati di **Kaunter Hasil, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan** pada ketetapan masa seperti berikut :-

Tarikh Mula Di Jual : 30 Jun 2022 – 07 Julai 2022
 Ahad – Rabu : 08.00 Pagi – 03.30 Petang
 Khamis : 08.00 Pagi – 02.30 Petang

3. Kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN MEMBAWA SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN, SIJIL TARAF BUMIPUTERA, PENDAFTARAN SSM** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan seterusnya menyertai satu lawatan tapak bina. Kontraktor dikehendaki melaporkan diri **30 MINIT SEBELUM MASA SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIMULAKAN**. Hanya pemegang lesen yang sah dan berdaftar dengan MPLBP sahaja berhak hadir dalam lawatan tapak. **WAKIL TIDAK DIBENARKAN**.
4. Semua Borang Sebut Harga mestilah dikemukakan di dalam surat bermetri dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Nombor Sebut Harga hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **07 JULAI 2022 (KHAMIS) Jam 12.00 TENGAHARI**. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya pelancongan tidak terikat untuk menerima yang terendah atau sebarang tawaran. Borang Sebut harga yang lewat dihantar berkait apa jua alasan adalah tidak dilayan.
6. Pematuhan ke atas **SOP Endemik Covid-19** yang berkuatkuasa ketika ini adalah wajib di patuhi dan **pemakaian pelitup separuh muka adalah digalakkan**. Kontraktor yang gagal mematuhi SOP yang ditetapkan tidak akan dibenarkan menyertai sesi lawatan tapak dan sebut harga ini.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menandatangani amanah,

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

